

Kesejahteraan komuniti keutamaan AIA PUBLIC Takaful

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) telah melancarkan Program Kongsi Rezeki, sebuah inisiatif komuniti dengan kerjasama Malaysian Relief Agency, sempena ulang tahun penubuhannya yang ke-10.

Menerusi program itu, 10 rumah anak yatim di seluruh negara menerima komputer riba baharu dan kelengkapan tempat tidur seperti katil dan tilam serta keperluan harian yang lain.

Sumbangan bernilai RM250,000 diberikan bagi membantu lebih 500 orang anak yatim mendapat akses kepada pengalaman pembelajaran dalam talian yang lebih baik, di samping tempat tinggal yang lebih selesa.

Ketua Pegawai Eksekutif AIA PUBLIC Takaful, Elmie Aman Naja berkata, sebagai sebuah organisasi yang komited terhadap kesejahteraan komuniti, usaha berkenaan adalah tanggungjawab bersama pihaknya untuk menyokong rumah-rumah anak yatim dalam usaha mereka membesarkan kanak-kanak yang lebih sihat dan ceria.

"Kami berharap sumbangan itu sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka sepanjang tempoh sukar ini sekali gus membantu anak-anak yatim tersebut lebih



SEBANYAK 10 rumah anak yatim di seluruh negara menerima komputer riba baharu, kelengkapan tidur dan keperluan harian di bawah Program Kongsi Rezeki.

bermotivasi dalam pembelajaran mereka," katanya.

Mengulas pencapaian AIA PUBLIC Takaful dalam menyediakan perlindungan kewangan dan menjamin harapan rakyat Malaysia selama sedekad, Elmie berkata, syarikat tersebut sudah jauh berkembang menjangkau pengendali takaful tradisional.

"Fokus syarikat kini adalah untuk sentiasa mencari kaedah baharu dan inovatif bukan sahaja dari segi tarawar produk, tetapi juga perkhidmatan tambah nilai untuk membawakan perubahan dalam

hidup pelanggan," tambah Elmie.

Susulan pandemik Covid-19, syarikat berkenaan melihat peningkatan dalam kesedaran dan minat untuk perlindungan takaful. Begitu juga dengan permintaan yang lebih tinggi untuk proposisi kesihatan dan kesejahteraan peribadi serta khidmat nasihat profesional.

"Kami berbangga kerana dengan kerjasama 20,000 Perancang Hayat AIA Malaysia serta rakan kongsi, kami dapat memenuhi permintaan itu melalui keupayaan digital dan teknologi kami," katanya.

Beliau juga percaya, AIA PUBLIC Takaful mempunyai proposisi patuh syariah, ekosistem, sumber dan peralatan yang tepat untuk memenuhi keperluan setiap pelanggannya di setiap peringkat kehidupan.

"Daripada pelan perlindungan mampu milik di bawah Perlindungan Tenang khusus buat golongan berpendapatan rendah sehingga lah penyelesaian perancangan legasi yang menawarkan pelanggan peluang untuk menyumbang semula kepada komuniti, faedah takaful

kami bukan hanya memenuhi keperluan kewangan dan perlindungan pelanggan kami, tetapi juga membolehkan mereka melakukan amal jariah berterusan, walaupun apabila mereka sudah tiada," katanya.

Ujarnya, sehingga kini, AIA PUBLIC Takaful telah membantu menyediakan perlindungan komprehensif bernilai RM61 bilion kepada rakyat Malaysia untuk menghadapi peristiwa yang tidak diduga.

Jelas beliau, takaful merupakan skim yang berdasarkan konsep persaudaraan, perpaduan, dan tolong-menolong antara peserta. Oleh itu, bersama-sama peserta takaful, pihaknya telah menyediakan sokongan kewangan bernilai RM1.3 bilion kepada lebih 170,000 keluarga di negara ini.

Sebagai tanda penghargaan atas sokongan berterusan para pelanggannya, AIA PUBLIC Takaful turut melancarkan kempen #10TahunBersamaAnda.

Orang ramai boleh menyertai pelbagai peraduan media sosial termasuklah permainan trivia interaktif yang sedang dijalankan sehingga 31 Oktober ini dan berpeluang memenangi e-baucar daripada Shopee dan Touch 'n Go.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen #10TahunBersamaAnda, layari www.aia.com.my/APTB10Tahun.